

Kawal diri hasilkan kandungan di media sosial elak 'makan diri'

Dr Muhamad Ashraf Rostam,
Timbalan Pengarah Pusat Pembangunan Profesional UIA

Kes kematian Zara Qairina Mahathir, 13, baru-baru ini bukan sahaja mengundang kesedihan, malah membuka mata kita terhadap bahaya penyebaran berita palsu menerusi media sosial.

Pada awalnya, pelbagai cerita tular di media sosial. Ada yang mendakwa mangsa meninggal dunia akibat cedera selepas dimasukkan ke dalam mesin basuh.

Cerita itu ternyata satu spekulasi, namun kesannya amat besar. Ia menambah luka pada keluarga, mengganggu siasatan polis dan mencetuskan keresahan masyarakat.

Kita sering lupa niat baik untuk berkongsi sesuatu maklumat tidak menghalalkan cara. Tanpa sedar, perbuatan menyebarkan maklumat tidak sah boleh menjadi fitnah dan memakan diri.

Malah, dalam kes ini, ada yang telah dihadapkan ke mahkamah kerana kenyataan disebarkan. Tekanan untuk menjadi 'yang pertama' berkongsi

maklumat kadang-kadang membuat ramai tergesa-gesa, tanpa menilai sumber dan kesahihan.

Maka, inilah masanya belajar 'perlahan sejenak', selidik dahulu dan tapis sebelum sebar. Isu terbaru yang berlaku ini bukan sekadar kes Zara Qairina, tetapi pengajaran kepada semua khususnya pendidik, pelajar, malah pemimpin.

Usah percaya maklumat tanpa asas kukuh

Era digital menuntut bukan sahaja celik teknologi, tetapi juga celik maklumat. Kita perlu melatih diri dan anak supaya tidak mudah percaya dan menyebarkan sesuatu tanpa asas kukuh.

Dalam Islam, prinsip ini jelas disebut dalam Surah al-Hujurat, ayat 6 bermaksud: *"Wahai orang beriman. Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara tidak diingini disebabkan kejahilan kamu (mengetahuinya)"*.

sehingga kamu menyesal apa yang kamu lakukan".

Ayat al-Quran ini bukan sekadar peringatan agama, tetapi disiplin sosial perlu diamalkan masyarakat dalam kehidupan seharian, lebih-lebih lagi pada zaman media sosial.

Kita memang digalakkan berkongsi kebaikan tetapi biarlah dengan penuh tanggungjawab. Niat untuk memberi kesedaran perlu disertai dengan disiplin menyemak sumber dan kebijaksanaan menngulas.

Kita perlu tanamkan kesedaran bahawa setiap kandungan dicipta bukan sekadar hiburan atau maklumat, tetapi satu amanah.

Video boleh hilang dalam 24 jam, tetapi kesannya kepada keluarga, masyarakat dan reputasi diri kita boleh kekal bertahun-tahun.

Ternyata, kes Zara Qairina menjadi satu ingatan mahal harganya bahawa setiap jari menekan butang 'kongsi' membawa amanah kebenaran yang besar.

'Bebas buli' tanda merdeka jiwa sebenar

Mohamad Amirul Mohd Adnan Ali,
Pegawai Komunikasi Korporat Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat, Universiti Putra Malaysia

Tanggal 31 Ogos setiap tahun, Jalur Gemilang akan berkibar megah diselangi laungan keramat 'Merdeka'. Persoalannya, adakah makna 'merdeka' sekadar bebas daripada penjajah fizikal atau kita masih dibelenggu oleh bentuk penjajahan baharu yang tidak kelihatan.

Pada era digital ini, kebebasan bukan lagi diukur melalui kedaulatan tanah air semata-mata, tetapi turut membabitkan kebebasan jiwa daripada ancaman emosi, mental dan sosial.

Antara cabaran paling besar yang membayangi generasi muda hari ini ialah isu buli, sama ada secara fizikal atau dalam alam maya. Statistik mendedahkan gambaran membimbangkan.

Pada 2023, sebanyak 4,994 kes buli secara fizikal dilaporkan di sekolah seluruh negara, meningkat ketara berbanding 3,887 kes pada tahun sebelumnya. Menjelang Oktober 2024, jumlah ini meningkat lagi kepada 5,703 kes, membabitkan 11,594 pelajar.

Pada masa sama, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) pula melaporkan menerima purata 27 aduan buli siber setiap hari, dengan 8,339 kes direkodkan setakat November 2024.

Kajian dilaksanakan pakar kesihatan mental negara ini juga mendapati sebanyak 17.1 peratus remaja mengalami simptom berkaitan tingkah laku bunuh diri termasuk 11.9 peratus bercadang untuk membunuh diri, 10.2 peratus merancang membunuh diri dan 8.4 peratus pernah cuba bunuh diri.

Ancaman rakan sebaya

Isu buli kembali hangat selepas kematian Zara Qairina Mahathir, 13, seorang pelajar Tingkatan Satu yang jatuh dari tingkat tiga asrama sekolahnya di Papar, Sabah pada 16 Julai lalu. Mangsa ditemui tidak sedarkan diri sebelum disahkan meninggal dunia di hospital pada keesokan harinya.

Persoalannya, jika anak-anak kita tidak selamat daripada ancaman rakan sebaya sendiri, bolehkah kita dengan yakin menyatakan bahawa negara ini

benar-benar merdeka.

Generasi terdahulu membesar dalam suasana yang mana disiplin, adab dan nilai moral dipupuk melalui peranan keluarga, guru, komuniti dan institusi agama yang kuat. Walaupun buli fizikal bukan sesuatu yang asing, ia jarang sekali membawa kepada akibat memudaratkan.

Pada era digital ini, ia membuka ruang tanpa sempadan untuk buli siber lebih halus tetapi jauh lebih kejam. Mesej menyakitkan hati dihantar secara senyap, gambar atau video memalukan

disebar tanpa boleh dipadam dan pembuli biasanya bersembunyi di sebalik akaun palsu.

Jelas ia tidak boleh dipikul satu pihak sahaja. Keluarga memainkan peranan utama membentuk nilai moral, memantau penggunaan teknologi dan menyediakan sokongan emosi berterusan.

Guru perlu pantau emosi pelajar

Kehadiran ibu bapa dalam kehidupan anak-anak adalah asas tidak boleh diabaikan, bukan sekadar mengawal tetapi mendengar serta memahami. Sekolah pula berperanan dalam pendidikan sahsiah dan kaunseling, menyediakan saluran aduan selamat serta menangani dengan pantas setiap kali tanda buli muncul. Guru bukan hanya pendidik akademik, tetapi juga pemantau perkembangan emosi dan sosial pelajar.

Kerajaan dan pihak berkuasa turut mempunyai peranan penting. Langkah memperkenalkan lesen khas kepada penyedia platform media sosial yang mempunyai lebih lapan juta pengguna mulai 2025 adalah usaha ke arah memastikan persekitaran digital lebih selamat.

Namun, ia perlu disertai dengan undang-undang lebih tegas bagi membendung gejala itu, di samping penguatkuasaan konsisten. Pendidikan perlu terus mengandungi elemen pembinaan sahsiah, manakala masyarakat pula harus menyediakan model teladan yang baik kepada generasi muda.

Pemimpin, selebriti dan pempengaruh perlu memikul tanggungjawab moral dalam memastikan mesej disampaikan kepada khalayak bersifat membina dan positif.

Hari Merdeka sepatutnya menjadi peringatan bahawa kemerdekaan sejati bukan hanya menyentuh soal bebas daripada penjajahan fizikal, tetapi bebas daripada belenggu merosakkan nilai kemanusiaan.

Jika anak-anak hidup dalam ketakutan sama ada di bilik darjah atau di ruang digital, maka kita belum mencapai kemerdekaan sepenuhnya. Kemerdekaan jiwa, keselamatan emosi dan kebebasan daripada penindasan rakan sebaya adalah sebahagian daripada warisan yang perlu kita tinggalkan kepada generasi akan datang.

